

Media Title

: Kosmo

Headline

: Tak serik dua kali ditipu

Date

: 15 January 2026

Section

: Negara!

Page

: 6



# Tak serik dua kali ditipu

**ALOR SETAR** – Seorang pesara jurutera sekali lagi menjadi mangsa penipuan online selepas terperdaya dengan iklan bantuan mendapatkan semula wang membabitkan kerugian RM108,001.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Deputi Superintendan Jasmani Sabrini berkata, mangsa berusia 54 tahun membuat laporan Ahad lalu.

"Pengadu yang tertarik dengan iklan bantuan penipuan di Facebook kemudian menekan pautan tersebut dan meninggalkan nama serta nombor telefon sebelum dimasukkan ke dalam aplikasi WhatsApp."

"Pengadu diminta mengisi butiran peribadi kononnya bagi tujuan permohonan dan diminta membuat bayaran pendahuluan untuk membuka fail sebelum proses bantuan dijalankan," katanya.

“

Pengadu kemudian menekan pautan iklan tersebut dan meninggalkan nama serta nombor telefon sebelum dimasukkan ke dalam aplikasi WhatsApp."

Menurut Jasmani, mangsa kemudian membuat beberapa transaksi ke akaun berbeza berjumlah RM108,001 antara 28 Mei hingga 18 Jun tahun lalu.

Tambahnya, siasatan lanjut mendapati pengadu sebelum ini pernah menjadi mangsa penipuan dan tiga kertas siasatan telah dibuka melibatkan kes pinjaman wang tidak wujud iaitu di Sungai Petani dan Padang Serai membabitkan kerugian RM32,267.